

Mangsa maut kerana serangan jantung, manakala seorang lagi lemas

Oleh NOR AZURA MD AMIN
PONTIAN

Polis mengesahkan dua pesara kerajaan yang maut selepas kenderaan lasak pelbagai bentuk permukaan bumi (ATV) terbabas ke dalam parit di Kampung Sri Gambut, Pekan Nanas, di sini, petang Khamis masing-masing akibat lemas dan serangan jantung.

Ketua Polis Daerah Pontian, Superintendan Mohammad Shofee Tayib berkata, dalam kejadian pada jam 6.45 petang itu, mangsa Hasan Ayob, 66, yang juga pesara Polis Diraja Malaysia (PDRM) maut disebabkan serangan jantung, manakala Abd Rashid Abd Malek, 63, pesara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pula lemas.

"Abd Rashid yang memandu ATV itu dipercayai telah gagal mengawal kenderaan yang ditunggangi lalu terjatuh ke dalam parit yang berair.

"Keadaan Abd Rashid tertindih di bawah ATV manakala penunggang, Hasan Ayob dipercayai cuba membantu namun tetapi gagal untuk mengalihkan ATV tersebut akibat berat dan paras air parit di bahagian pinggang," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Mohammad Shofee berkata, akibat

Dua pesara maut ATV terbabas



Anggota bomba membantu mangsa kemalangan ATV di Kampung Seri Gambut pada Khamis.

kejadian tersebut Abd Rashid dipercayai mati lemas, manakala Hasan keletihan, sebelum kedua-duanya dirujuk ke Bahagian Forensik Hospital Pontian.

Ujarnya, bedah siasat ke atas kedua-dua mangsa mendapati punca kematian Abd Rashid disebabkan lemas manakala

Hasan pula disebabkan serangan jantung.

Kes disiasat di bawah Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

Sinar Harian pada Khamis melaporkan dua lelaki warga emas maut apabila ATV yang ditunggangi mereka terbabas dalam parit di Jalan Kampung Seri Gambut di sini.

Melaka batal sambutan ambang Tahun Baharu 2023

MELAKA - Kerajaan negeri memutuskan untuk membatalkan sambutan malam ambang Tahun Baharu 2023 yang sepatutnya diadakan pada 31 Disember ini di Taman Seribu Bunga.

Exco Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan, Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, ia diputuskan selepas mengambil kira musibah banjir yang melanda beberapa negeri pada waktu ini.

"Dalam keadaan sebegini, rasanya tidak wajar untuk kita adakan sambutan Tahun Baharu dan ia ketbetulan senada dengan keputusan kerajaan Persekutuan yang juga membatalkan penganjuran tersebut," katanya pada sidang media penganjuran Pesta Bunga Melaka 2022 di Taman Seribu Bunga, di sini pada Jumaat.

Menurutnya bagi menggantikan sambutan tersebut, pihaknya mungkin akan mengadakan doa selamat atau acara berbentuk keagamaan bagi mendoakan keselamatan rakyat Malaysia khususnya di pantai timur yang sedang berduka.

Sementara itu, beliau berkata, kerajaan negeri Melaka berhasrat untuk menghantar bantuan dari segi tenaga kerja dan sukarelawan bagi meringankan beban mangsa banjir di negeri terlibat. - *Bernama*

Organisasi digalakkan optimumkan penggunaan sijil MS ISO 39001: 2013

SHAH ALAM - Organisasi kerajaan dan swasta digalakkan untuk mengoptimalkan penggunaan pensijilan MS ISO 39001:2013 dan Malaysia Standard (MS) sokongan berkaitan bagi meningkatkan kualiti kerja, keselamatan serta produktiviti.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, MS ISO 39001:2013 ialah satu adaptasi piawaian antarabangsa yang dihasilkan sebagai satu kaedah untuk membantu semua organisasi mengurangkan risiko kematian dan kecederaan akibat pelanggaran jalan raya.

"Saya berharap agar pemain industri akan mengoptimalkan penggunaan MS yang dihasilkan untuk menambah nilai perkhidmatan masing-masing dan berganding bahu dengan kerajaan dalam mencapai perkhidmatan pengangkutan bertaraf antarabangsa.

"Isu kematian, kecederaan akibat pelanggaran dan insiden jalan raya merupakan satu cabaran antarabangsa yang



Anthony Loke (tengah) ketika menyempurnakan majlis penutup Program Pemerkasaan Sistem Pengurusan Keselamatan Trafik Jalan Raya pada Jumaat.

semakin meruncing.

"Selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Sedekad Tindakan Keselamatan Jalan Raya PBB, Malaysia komited untuk menurunkan 50 peratus kadar kematian akibat pelanggaran jalan raya pada 2030 melalui Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 dan Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (PKJRM) 2022-2030.

"Sedekad Tindakan Keselamatan Jalan Raya PBB telah mengenal pasti pengurusan keselamatan trafik jalan raya sebagai salah satu tonggak dalam menguruskan isu keselamatan jalan raya," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Pada Jumaat, Anthony Loke telah menyempurnakan majlis penutup Program Pemerkasaan Sistem Pengurusan Keselamatan Trafik Jalan Raya anjuran bersama Institut Penyelidikan

Keselamatan Jalan Raya Malaysia (Miros) dan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) menerusi Jabatan Standard Malaysia (JSM).

Ujarnya, program itu dianjurkan bertujuan mendapatkan maklum balas pemain industri dan agensi kerajaan yang berkaitan mengenai draf MS Sistem Pengurusan Keselamatan Lalulintas Jalan Raya.

Beliau berkata, dokumen draf MS yang dibangunkan oleh

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui JSM itu menyediakan garis panduan kepada pihak penyedia perkhidmatan pengangkutan dan penghantaran (*operator*) dan pengendali kenderaan (*pe-mandu* dan *penunggang kenderaan*) dalam meningkatkan kualiti servis dan pengoperasian perkhidmatan *e-hailing* dan *p-hailing* yang ditawarkan.

"Inisiatif ini dilihat sebagai langkah proaktif yang sangat baik memandangkan permintaan perkhidmatan ini yang sangat tinggi.

"Dokumen ini adalah salah satu daripada 4,811 MS yang merentasi pelbagai sektor industri yang telah dibangunkan oleh pihak JSM," jelasnya.

Anthony Loke turut menegaskan, keselamatan jalan raya merupakan tanggungjawab semua pihak.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada pihak MITI yang telah membuktikan konsep tersebut berkaitan keselamatan trafik jalan raya.